



## SOALAN SATU

- (a) “In every free state, for every public act some one must be responsible and the question is who shall it be?” The British Constitution answer “the minister and ministers exclusively”. (*Peter Cumber, Constitutional & Administrative Law, Blackstone Press Limited, pp 81*)

Berdasarkan kenyataan di atas huraikan fungsi Jemaah Menteri dan Konsep Tanggungjawab Bersama para menteri yang diamalkan di Malaysia.

**(13 Markah)**

- (b) Sebaik saja Perdana Menteri hilang kepercayaan Dewan Rakyat, kedudukannya jelas bahawa beliau mesti meletak jawatan dan Parlimen mesti dibubarkan.

Berdasarkan kenyataan di atas bincangkan tentang perlantikan dan tempoh jawatan Perdana Menteri serta implikasinya jika beliau tidak mendapat kepercayaan Dewan Rakyat dan sebaliknya.

**(12 Markah)**

## **SOALAN DUA**

Untuk menubuhkan sebuah kerajaan yang bertanggungjawab kepada Parlimen dan juga terletak dibawah undang-undang, amatlah mustahak diwujudkan satu sistem kehakiman yang bebas yang menumpukan segala tenaga mereka untuk mencari keadilan, walaupun keputusan itu memberi kesan yang pahit kepada pihak pemerintah.

(a) Jelaskan mengenai konsep kebebasan kehakiman di Malaysia

**(10 Markah)**

(b) Kebebasan kehakiman tidak akan tercapai jika hakim sentiasa berada dalam keadaan takut dan bimbang tentang kedudukan mereka. Jelaskan peruntukkan-peruntukkan di dalam perlembagaan persekutuan yang dapat menjamin kebebasan ini.

**(15 Markah)**

## **SOALAN TIGA**

Bincangkan kedudukan Mahkamah Syariah sebelum dan selepas pindaan Perkara 121(1A) yang timbul ekoran dari pertindihan kuasa di antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Sejauh manakah keberkesanan pindaan ini? Adakah perkara 121 fasal (1A) ini mampu untuk menjadikan Mahkamah Syariah setanding dengan Mahkamah Sivil? Komen jawapan anda berdasarkan peruntukkan perlembagaan dan kes-kes yang diputuskan mengenainya.

**(25 Markah)**

#### **SOALAN EMPAT**

Bila diamati, ketertinggian undang-undang darurat adalah amat luas. Dalam situasi ini kuasa parlimen mengatasi kuasa Perlembagaan itu sendiri. Oleh itu persoalan timbul sama ada bentuk kawalan atau siasatan terhadap kuasa darurat ini benar-benar wujud.

Berdasarkan kenyataan di atas huraikan **TIGA (3)** bentuk kawalan terhadap kuasa darurat yang terdapat di Malaysia dan berikan **DUA(2)** contoh peristiwa yang berlaku sehingga darurat diisytiharkan. Sokong hujah anda dengan peruntukkan dan kes-kes yang berkaitan.

**(25 Markah)**

**FAKULTI PENGURUSAN AWAM DAN UNDANG-UNDANG**

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

---

**SKRIP JAWAPAN PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**KOD** : SA 2313

**KURSUS** : PERLEMBAGAAN MALAYSIA

**NO. MATRIK** :

:

\_\_\_\_\_

(dengan perkataan)

**NO. KAD**

**PENGENALAN** :

\_\_\_\_\_

**KUMPULAN** :

\_\_\_\_\_

**NAMA**

**PENSYARAH** :

\_\_\_\_\_

- 
- **UNTUK KEGUNAAN PENSYARAH**

<b>NO. SOALAN</b>	<b>MARKAH</b>
<b>SOALAN 1</b>	
<b>SOALAN 2</b>	
<b>SOALAN 3</b>	
<b>SOALAN 4</b>	
<b>JUMLAH</b>	